

Malaysia tingkat eksport balak ke Romania, Rusia

Oleh ZULHISHAM ISHAK

KOTA KINABALU 7 Mei - Malaysia merancang meningkatkan eksport balak dan produk koko ke Romania, Poland dan Rusia pada tahun ini.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perdagangan dan Komoditi, Datuk Anifah Aman berkata, pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa kementerian terbabit dari negara-negara berkenaan mengenai perkara tersebut.

"Kita perlu memperluaskan dagangan dengan Romania, Poland dan Rusia kera-

na eksport balak dan produk koko dari negara ini semakin meningkat bernilai hampir RM2.6 bilion pada tahun lalu.

Beliau berkata, bagi tempoh yang sama, eksport serbuk koko sahaja berjumlah RM23 juta.

"Kita berharap Malaysia akan mendapat pasaran baru di negara-negara terbabit," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Anifah kini mengetuai rombongan melakukan lawatan kerja di empat buah negara Eropah iaitu Britain, Romania, Poland dan Rusia dari 5 Mei hingga 20 Mei ini.

Lawatan kerja itu juga merupakan lanjutan daripada Program Perdagangan

um - 8/5/2007.

dan Kesedaran Teknikal Koko Malaysia (MCTTAP) yang dimulakan pada tahun 2002.

Menurut Anifah, perkara utama yang dibincangkan dengan rakan sekerja dari negara-negara terbabit adalah mengenai tarif dan halangan bukan tarif (NTB) yang dikenakan terhadap produk koko tempatan.

Malaysia juga cuba mendapatkan pengesahan Romania dan Poland berhubung kualiti komoditi tersebut yang menjadi halangan utama untuk dieksport ke negara-negara Eropah lain.

"Balak dan produk koko kita sukar

menembusi pasaran Eropah kerana peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan adalah terlalu ketat," katanya.

Anifah bagaimanapun yakin perkara itu akan dapat ditangani dengan memberi penjelasan dan mengadakan promosi kerana komoditi-komoditi tersebut mendapat pengiktirafan daripada Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC).

Menurutnya, rekod pencapaian Malaysia dalam membekalkan balak berkualiti dan kejayaan negara menguruskan sumber hutangnya akan turut membantu dalam usaha untuk menembusi pasaran di sana.